



NUTRILITE™ ACTIVPOWER RUN 2021



Matlamat Komuniti
Bonus

THE
MALAYSIA
BOOK
of **RECORDS**®

Mari bekerjasama untuk mencapai tanda aras ini!
Jarak terjauh yang dicapai dalam larian maya (250,000km)


LANGKAH 1 Muat turun aplikasi Nutrilite Active & Daftar

Pendaftaran : 1- 14 Dis 2021 Larian: 15 Dis 2021 - 14 Jan 2022

1

**Beli produk
Nutrilite/BodyKey dan
simpan resit:**

Pilihan:



1 Minuman
Kocak
Pengganti
Sajian BodyKey
(sebarang perisa)

ATAU



1 Minuman
Protein Soya
Nutrilite
(sebarang
saiz/perisa)

ATAU



1 Kit
Permulaan
BodyKey

2

**Muat turun aplikasi
Nutrilite Active dan daftar**



Perseorangan

**1 Orang:
RM30/B\$10**



Keluarga

**4 Orang:
RM96/B\$32**



3

**Percuma kemeja-T
Nutrilite untuk setiap
peserta**



Belakang

Hadapan



NUTRILITE™ ACTIVPOWER RUN 2021

LANGKAH 2 Mula berlari untuk mendapat ganjaran

Larian antara 15 Dis 2021 – 14 Jan 2022

1

Matlamat peserta perseorangan:
150km/1 bulan

Matlamat keluarga: 600km/1 bulan
*km boleh dikumpul dalam kalangan rakan sepasukan



2

Capai sasaran & Akses 'filter' ladang Nutrilite di Instagram



- Peringkat 1: Mencapai 25% Matlamat
- Peringkat 2: Mencapai 50% Matlamat
- Peringkat 3: Mencapai 75% Matlamat
- Peringkat 4: **Anda berjaya! Tahniah!**

LANGKAH 3 Terima e-Sijil Tamat Larian & Pingat



Nota:

1. Hanya 2x Pingat dan 2x e-Sijil diberikan untuk kategori Keluarga.
2. Kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas boleh turut serta. Tiada pembelian produk diperlukan untuk kanak-kanak.
3. Berjalan atau berjoging dibenarkan dan diguna pakai untuk cabaran ini. Secara purata, 1km = 1,200 – 1,500 langkah.
4. Aplikasi Nutrilite Active mesti sentiasa dihidupkan untuk merekodkan jarak larian/berjalan/berjoging.
5. Tiga (3) 'filter' Instagram untuk diakses dalam larian tersebut.





Pendaftaran

Bagaimanakah hendak mendaftar?

Melalui aplikasi Nutrilite Active. Tempoh pendaftaran bermula dari 1 Disember 2021 hingga 14 Disember 2021. Slot adalah terhad, jadi daftarlah sebelum kehabisan!

Bagaimanakah saya boleh membuat pembayaran?

- Dengan kad kredit / kad debit / perbankan dalam talian melalui FPX.
- Bayaran ialah RM30/B\$10 untuk kategori Perseorangan dan RM96/B\$32 untuk kategori Keluarga (pasukan seramai 4 orang).
- Apabila pembayaran dibuat, anda akan diarahkan untuk melengkapkan borang pendaftaran pada aplikasi Nutrilite Active.
- FPX kami buat masa ini menerima kaedah pembayaran berikut:
 1. Kad Kredit / Debit: Visa / Mastercard
 2. Perbankan dalam talian:

<ul style="list-style-type: none">• Affinbank• Agrobank• Alliance Bank (Personal)• Ambank• Bank Islam• Bank Muamalat	<ul style="list-style-type: none">• Bank Rakyat• BSN• CIMB Clicks• HSBC• Kuwait Finance House• Maybank2E/2U	<ul style="list-style-type: none">• OCBC Bank• Public Bank• RHB• Standard Chartered• UOB• Hong Leong Connect
---	--	---

Bagaimana saya mengetahui jika pendaftaran dalam talian saya melalui aplikasi Nutrilite Active berjaya?

Anda akan menerima e-mel pengesahan. Ia akan dihantar ke alamat e-mel anda yang berdaftar dengan Amway. Apabila anda mendaftar pada aplikasi Nutrilite Active, anda perlu pergi ke halaman profil anda (kanan atas) dan cari "acara saya". Semua acara yang anda sertai akan ditunjukkan di sana. Nota: Sila kemas kini alamat e-mel anda yang terdapat dalam profil Amway anda.

Jika saya tidak dapat menyertai Larian itu, bolehkah saya mendapat bayaran balik atau menarik diri/memindahkan/menangguhkan penyertaan saya?

Semua pendaftaran berbayar tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dibayar balik dan tidak boleh ditangguh. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu dengan alasan yang sah, permintaan bayaran balik boleh dibuat. Sila e-mel ke nutriliteactiveapp@gmail.com untuk pertanyaan lanjut.

Bolehkah saya membuat perubahan pada butiran peribadi saya selepas pengesahan pendaftaran saya?

Tidak. Perubahan tidak dibenarkan apabila pendaftaran berjaya. Sila pastikan nama peserta adalah mengikut KP dan saiz baju adalah betul sebelum penyerahan.

Bolehkah saya mengubah saiz kemeja-T selepas pendaftaran berjaya?

Saiz kemeja-T adalah terhad, sila maklum bahawa pemulangan atau penukaran hanya akan dilayan jika terdapat lebih kemeja-T.

Nota: Sila bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam aplikasi Nutrilite Active semasa pendaftaran.





Soalan-soalan Lazim Umum

Apakah itu Larian Maya?

Larian maya ialah larian yang anda daftarkan dalam talian dan boleh diselesaikan mengikut rentak dan di tempat anda sendiri (dalam tempoh acara) – sama ada di luar atau dalam rumah anda. Untuk ActivPower Run 2021 ini (larian maya), jarak yang akan anda lalui akan dijejaki melalui aplikasi Nutrilite Active (sila hidupkannya apabila anda bersenam) dan kemajuan larian anda akan dipaparkan di bawah tab acara ActivPower Run 2021.

Siapakah yang layak mengambil bahagian dalam ActivPower Run 2021?

- Semua ABO/APC warganegara Malaysia dan Brunei berumur 18 tahun ke atas. Kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas boleh juga turut serta.
- Semua pekerja tetap Amway Malaysia dan Brunei.
- Undang-undang dan peraturan yang sama diguna pakai kepada semua peserta.

Adakah wajib membeli produk Nutrilite/BodyKey untuk menyertai Nutrilite ActivPower Run 2021?

Ya. Tetapi peserta berumur di bawah 18 tahun tidak perlu membeli produk Nutrilite/BodyKey. Untuk membeli produk, berikut adalah pilihan anda: 1x Minuman Kocak Pengganti Sajian BodyKey (Beri/Café Latte atau Coklat) ATAU 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (sebarang saiz/perisa) ATAU 1x Kit Permulaan BodyKey.

Adakah Nutrilite ActivPower Run 2021 suatu acara bermasa?

Tidak. Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk lari sejauh mana yang anda boleh untuk berpeluang mengakses 'filter' Instagram antara 15 Disember 2021 dan 14 Januari 2022.

Matlamat Komuniti
Bonus



Mari bekerjasama untuk mencapai tanda aras ini!

Jarak terjauh yang dicapai dalam larian maya (250,000km)

Anda digalakkan untuk berlari mengikut rentak dan tempoh masa yang sesuai dengan tahap keselesaan dan kecergasan anda, sama ada di rumah atau di lokasi yang selamat, sambil mematuhi SOP Kerajaan yang berkenaan.

Bagaimanakah jika saya hamil?

Memandangkan kesihatan setiap individu berbeza-beza, sila berunding dan dapatkan kebenaran bertulis daripada doktor anda sebelum terlibat dalam sebarang aktiviti berat. Jika anda mampu berbuat demikian, anda boleh mengumpul jarak dengan berjalan pada kadar sederhana.

Apakah akan berlaku jika cuaca buruk?

Memandangkan Nutrilite ActivPower Run 2021 adalah acara maya mulai 15 Disember 2021 hingga 14 Januari 2022, anda bebas untuk berlari pada bila-bila masa yang paling sesuai untuk anda.

Amway Malaysia dan Brunei tidak boleh bertanggungjawab atas sebarang kejadian yang tidak diingini yang mungkin menimpa anda akibat cuaca buruk atau keadaan luar yang tidak selamat. Kami ingin mengingatkan semua para peserta untuk mematuhi semua SOP Kerajaan yang berkenaan. #kekalselamat #kekalaktif #kekalsihat

Apakah platform web atau aplikasi yang digunakan oleh Nutrilite ActivPower Run 2021?

Aplikasi Nutrilite Active (tersedia di iOS dan Play Store)





NUTRILITE™



ACTIVPOWER RUN

2021



Penyegerakan Aplikasi & Aplikasi Nutrilite Active



Apakah itu aplikasi Nutrilite Active?

Berjalan, berlari atau melompat – kami hanya mahukan anda bergerak dan berpeluh! Gunakan aplikasi Nutrilite Active melalui telefon mudah alih untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh dan menjejaki matlamat kecergasan anda. Capai matlamat anda sama ada secara individu atau sebagai satu pasukan untuk mendapat ganjaran. Mari mulakan dan tunjukkan kecintaan anda kepada Nutrilite tetapi yang paling penting, lakukannya demi kesihatan yang baik.

Bagaimanakah saya memuat turun aplikasi Nutrilite Active?

- **Langkah 1:** Buka gedung aplikasi peranti anda sama ada pada Apple atau Android
- **Langkah 2:** Cari "Nutrilite Active"
- **Langkah 3:** Muat turun aplikasi

PENTING:

Pengguna telefon mudah alih Huawei tidak akan dapat memuat turun aplikasi ini. Kami memohon maaf atas kesulitan ini. Namun begitu, jenama telefon mudah alih lain tidak mempunyai masalah untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi ini.

Bagaimanakah saya mendaftar akaun pada aplikasi Nutrilite Active?

Untuk mendaftar aplikasi Nutrilite Active anda, anda terlebih dahulu mesti mencipta akaun pada aplikasi. Begini caranya:

- **Langkah 1:** Buka aplikasi Nutrilite Active dan Daftar Masuk / Log Masuk melalui Facebook atau Google. Anda juga boleh daftar masuk / log masuk dengan memasukkan alamat e-mel anda.
- **Langkah 2:** Isikan butiran anda dan pilih 'Daftar'.
Apabila disahkan, anda telah berjaya mendaftar untuk akaun Nutrilite Active dan boleh mengedit halaman profil anda pada aplikasi.

Bagaimanakah saya mendaftar untuk Nutrilite ActivPower Run 2021?

Anda boleh lakukannya dengan 4 langkah mudah:

- **Langkah 1:** Log masuk dan cari Nutrilite ActivPower Run 2021 di bawah tab 'Acara'
- **Langkah 2:** Pilih Nutrilite ActivPower Run 2021 dan tatal ke bawah untuk mendaftar
- **Langkah 3:** Isikan semua butiran yang dikehendaki, pilih kategori pilihan (perseorangan/keluarga), saiz baju dan pilih kaedah pembayaran (Kad kredit / FPX)
- **Langkah 4:** Buat pembayaran dan anda seharusnya menerima pengesahan melalui alamat e-mel anda yang berdaftar dengan Amway!

E-mel pengesahan anda akan kelihatan seperti ini:

Pendaftaran Acara Anda Berjaya
Ke hadapan XXXX,
Salam sejahtera dari Nutrilite ActivPower Run 2021
Sila baca maklumat berikut dengan teliti.
Butiran Pendaftaran
- ID Transaksi: XXXXX
- Tarikh:
- ID Pendaftaran: XXXX
- Kategori: Perseorangan/Keluarga
- Nama:
- Jantina:
- Tarikh Lahir:
Teima kasih sekali lagi dan selamat berlari!
*Pendaftaran anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan bersetuju untuk mematuhi Undang-undang dan Peraturan Nutrilite ActivPower Run 2021 yang ditetapkan oleh Penganjur.

Adakah saya perlu pergi ke aplikasi Nutrilite Active sebelum setiap larian?

Ya. Sebelum setiap larian, jangan lupa hidupkan aplikasi anda dan pergi ke tab 'Senaman' dan pilih berlari sebagai senaman anda. Apabila anda menyelesaikan larian itu, jangan lupa tamatkan sesi anda agar aplikasi dapat merakam langkah/jarak yang dilalui oleh anda.





NUTRILITE™

ACTIVPOWER RUN

2021



Penyegerakan Aplikasi & Aplikasi Nutrilite Active



PENTING:

Aplikasi ini akan mengira setiap langkah/pergerakan yang anda ambil/buat. Ini termasuk berjalan, berjoging dan berbasikal.

Bolehkah saya menyerahkan hasil saya dengan data larian sedia ada daripada aplikasi lain?

Ya, anda boleh menyerahkan data larian anda SECARA MANUAL melalui tab 'Senaman'. Kongsikan tangkap layar anda dan muat naik data larian untuk kami sahkan.

Bolehkah saya menyegerakkan aplikasi kecergasan lain ke Nutrilite Active dan menggunakannya untuk menjejaki jarak/KM saya?

Malangnya, anda TIDAK BOLEH menyegerakkan jam pintar anda (termasuk InBodyWATCH/InBody Dial) dengan aplikasi Nutrilite Active untuk menjejaki jumlah jarak yang dilalui, tetapi anda boleh memuat naik data larian anda dengan menyerahkannya secara manual.

Jika anda mempunyai sebarang masalah dengan aplikasi Nutrilite Active, siapakah yang harus saya hubungi?

Sila e-mel ke nutriliteactiveapp@gmail.com Hanya e-mel berkaitan larian akan dilayan.





Penghantaran Kemeja-T Nutrilite/pingat/e-Sijil

Apakah barangan yang akan saya terima?

Semua peserta akan menerima Kemeja-T Nutrilite ActivPower Run yang disesuaikan apabila pendaftaran berjaya. Walau bagaimanapun, pingat* dan e-Sijil* hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang menyelesaikan larian mereka apabila keseluruhan acara tamat.

***PENTING**

Jika anda menyertai kategori “Keluarga”, sila ambil maklum bahawa hanya 2x Pingat dan 2x e-Sijil akan diberikan kepada “Keluarga” berkenaan.

Bilakah saya akan menerima Kemeja-T/pingat/e-Sijil saya?

Anda akan menerima kemeja-T anda lebih kurang 3 minggu selepas tarikh pembayaran pendaftaran anda. Pingat dan e-Sijil akan dihantar kepada anda selepas tamat larian (dalam masa 1 bulan). Sila jangkakan sedikit kelewatan dalam penghantaran disebabkan peningkatan cabaran logistik dan operasi.

Bolehkah saya mengambil kemeja-T/pingat/e-Sijil saya secara fizikal?

Tidak. Memandangkan kita perlu mematuhi SOP Kerajaan yang tertentu, semua item hanya akan dihantar ke alamat anda yang berdaftar dengan Amway untuk larian tersebut. Tiada lokasi fizikal yang membolehkan anda mengambil item ini. Oleh itu, sila pastikan anda mengisi alamat surat-menyurat yang betul semasa pendaftaran, dan anda ada untuk menerima item apabila dihantar ke lokasi anda.

Kemeja-T/pingat/e-Sijil saya tidak sampai kepada saya. Bolehkah saya mendapat gantian?

Jika anda tidak menerima item anda atau menghadapi masalah penghantaran, sila e-mel kepada kami di nutrilitactiveapp@gmail.com


PENTING:

Tiada perubahan alamat akan dilayan selepas pendaftaran. Sila pastikan alamat anda betul.

Apakah saiz dan ukuran kemeja-T?

Sila rujuk carta di bawah:

Saiz kemeja-T adalah terhad, sila ambil maklum bahawa pemulangan dan penukaran hanya akan dilayan jika terdapat lebih kemeja-T.



Carta Saiz Kanak-kanak

Kemeja-T Polo/Leher Bulat		
Umur	Dada	Badan
1-2	12"	15"
3-4	13"	17"
5-6	15"	18"
7-8	16"	20"
9-11	17"	22"
12-14	18"	24"

Carta Saiz Uniseks

Kemeja-T Polo/Leher Bulat			
Saiz	Dada	Lengan	Badan
2XS	34"	7"	25"
XS	36"	7.5"	26"
S	38"	8.5"	27.5"
M	40"	8.5"	28.5"
L	42"	9"	29.5"
XL	44"	9.5"	30.5"
2XL	46"	10"	31.5"
3XL	48"	10"	32.5"

Bagaimanakah jika saya mempunyai soalan yang tidak dijawab di sini?

Sila e-mel soalan anda ke nutrilitactiveapp@gmail.com dan kami akan akan menghubungi anda secepat mungkin.





Undang-undang & Peraturan

Kelayakan dan Pendaftaran

- Pelari mestilah peserta berdaftar Nutrilite ActivPower Run 2021 untuk menerima kemeja-T dan menyelesaikan larian untuk menerima pingat dan e-Sijil.
- Nutrilite ActivPower Run 2021 adalah terbuka kepada ABO, APC dan pekerja tetap Amway Malaysia dan Brunei yang bermastautin di kedua-dua negara, berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2021. Peserta berumur 6 tahun ke atas boleh juga mengambil bahagian dengan bimbingan ibu bapa/penjaga mereka di bawah kategori 'Keluarga'.
- Semua pendaftaran berbayar adalah muktamad (tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dibayar balik dan tidak boleh ditangguh).

Bagaimanakah Nutrilite ActivPower Run 2021 berfungsi?

- Untuk mengambil bahagian dalam Nutrilite ActivPowerRun 2021, anda perlu memilih salah satu daripada 2 kategori; Perseorangan atau Keluarga.
- Matlamat Perseorangan: 5km/hari (150km dalam 1 bulan)
- Matlamat Keluarga: 20km/hari (600km dalam 1 bulan) *km boleh terkumpul
- Anda mempunyai 1 bulan (15 Disember 2021 – 14 Januari 2022) untuk menyelesaikan cabaran Perseorangan atau Keluarga. Jarak yang anda lalui dalam Larian ini akan menyumbang kepada perlumbaan induk yang mana semua pelari akan mengumpulkan seluruh data larian mereka. Perlumbaan induk ini akan digunakan untuk mengira jika kita berjaya memasuki Malaysia Book of Records untuk "Jarak terpanjang dilalui dalam program larian maya (minimum 250,000km)".
- Perkara baru: Berjalan dan berjoging dibenarkan dan diguna pakai untuk cabaran ini. Secara purata, 1km = 1,200 – 1,500 langkah.

'FILTER' INSTAGRAM

- Sebagai ganjaran tambahan untuk penyertaan aktif, anda boleh memperolehi 'filter' Instagram maya setiap kali anda mencapai tanda aras tertentu.
- Terdapat sebanyak 3 'filter' Instagram maya yang anda boleh perolehi dalam kategori yang anda pilih (25%; 50%; 75% matlamat anda)

Terma dan Syarat

A. Umum

1) Mengakses Aplikasi Telefon Mudah Alih

- 1.1 Anda dikehendaki mendaftar dengan maklumat yang diminta dalam aplikasi untuk mengakses ciri tertentu pada aplikasi kami.
- 1.2 Kami tidak menjamin yang aplikasi Nutrilite Active, atau mana-mana kandungannya akan sentiasa tersedia atau tidak terganggu. Akses kepada aplikasi kami dibenarkan hanya untuk sementara. Kami boleh menggantung, menarik balik, menghentikan atau mengubah semua atau mana-mana bahagian aplikasi kami tanpa notis. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda jika atas apa jua sebab aplikasi kami tidak tersedia pada bila-bila masa atau untuk sebarang tempoh.
- 1.3 Anda bertanggungjawab untuk membuat semua persiapan yang perlu untuk anda mendapat akses kepada aplikasi kami. Anda bertanggungjawab untuk mengkonfigurasi teknologi maklumat dan platform anda untuk mengakses aplikasi kami.

2) Hak Harta Intelektual

- 2.1 Penganjur adalah pemilik atau pemegang lesen semua hak harta intelektual dan berkaitan dengan:
 - aplikasi kami; dan
 - bahan (termasuk semua logo, teks dan grafik) yang diterbitkan pada aplikasi; dan
 - perisian yang digunakan untuk mengendalikan aplikasi kami.
- Karya ini dilindungi oleh hak cipta dan hak harta intelektual lain di seluruh dunia. Semua hak tersebut adalah terpelihara.

3) Kandungan

- 1.1 Kandungan pada aplikasi disediakan untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan bertujuan untuk dianggap sebagai nasihat yang harus anda ikuti. Anda mesti mendapatkan nasihat profesional atau pakar sebelum mengambil atau menahan diri daripada, sebarang tindakan berdasarkan kandungan pada aplikasi kami.
- 1.2 Walaupun kami mengambil langkah yang munasabah untuk mengemaskini maklumat pada aplikasi kami, kami tidak membuat representasi, waranti atau jaminan, sama ada nyata atau tersirat, bahawa kandungan pada aplikasi kami adalah tepat, lengkap atau terkini.





Undang-undang & Peraturan

4) Penafian dan liabiliti

- 4.1 Tiada apa-apa dalam Perjanjian yang mengehadikan liabiliti kami akibat penipuan atau kematian atau kecederaan peribadi yang disebabkan oleh kecuaiian kami atau berkaitan dengan mana-mana liabiliti lain yang tidak boleh dikecualikan atau dihadkan oleh undang-undang.
- 4.2 Tertakluk kepada klausa 4.1 dan selain daripada yang dinyatakan dalam klausa 4 ini atau Terma Jualan, semua terma, syarat atau waranti tersirat adalah dengan ini dikecualikan sepenuhnya dan dibenarkan oleh undang-undang.
- 4.3 Walaupun kami mengambil segala langkah untuk memastikan ketersediaan dan ketepatan aplikasi dan mana-mana kandungan kami, kami tidak menjamin yang ketersediaan aplikasi tidak akan terganggu atau bahawa aplikasi dan sebarang bahan boleh diakses melalui aplikasi tersebut tanpa ralat atau ketinggalan.
- 4.4 Kami tidak menerima apa-apa tanggungjawab terhadap sebarang penggunaan aplikasi dan kami tidak akan bertanggungjawab:
 - (i) dalam apa jua keadaan terhadap sebarang kehilangan keuntungan, kehilangan jualan atau hasil, kehilangan atau kerosakan kepada nama baik, kehilangan pelanggan, kerugian berkaitan tuntutan pihak ketiga, atau sebarang kerugian tidak langsung, khas atau berbangkit (walaupun jika pihak berkenaan telah menasihatkan tentang kemungkinan kerugian berkenaan);
 - (ii) terhadap sebarang kegagalan, gangguan, kelewatan atau perkara lain yang serupa yang timbul akibat keadaan yang di luar kawalan munasabah kami; dan/atau
 - (iii) terhadap sebarang kerugian lain yang dialami sepenuhnya berkaitan dengan penggunaan aplikasi atau mana-mana kandungan kami yang kami mungkin kecualikan atau hadkan liabiliti sedemikian di bawah undang-undang berkenaan.

5) Variasi

- 5.1 Kami boleh menyemak terma Perjanjian pada bila-bila masa dengan meminda halaman ini. Anda diminta untuk menyemak halaman ini dari masa ke masa untuk mengambil maklum sebarang perubahan yang kami lakukan, kerana terma ini mengikat anda. Sebahagian daripada peruntukan yang terkandung dalam terma dan syarat ini boleh juga diganti oleh peruntukan atau notis yang diterbitkan di tempat lain pada aplikasi kami.

6) Lain-lain

- 6.1 Jika kami gagal, pada bila-bila masa, untuk mendesak pelaksanaan ketat mana-mana kewajipan anda di bawah mana-mana terma Perjanjian, atau kami gagal melaksanakan mana-mana hak atau remedi yang kami berhak di bawah Perjanjian, ini tidak boleh ditafsir sebagai penepian hak atau remedi dan tidak boleh membebaskan anda daripada pematuhan kewajipan berkenaan.
- 6.2 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda terhadap sebarang pelanggaran Perjanjian yang timbul disebabkan apa-apa keadaan yang kami tidak boleh semunasabahnya dijangkakan untuk kawal.
- 6.3 Tiada terma Perjanjian boleh dikuatkuasakan di bawah Kontrak.

7) Undang-undang

- 7.1 Perjanjian ini dikawal oleh undang-undang tempatan. Anda bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah tempatan dengan syarat tidak ada apa-apa dalam klausa ini akan menghalang kami daripada mengambil sebarang tindakan di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa ke atas anda.

B. TERMA LARIAN

1) Penyertaan larian

- 1.1 Dengan menyertai larian anda bersetuju untuk menyertai larian dan juga bersetuju untuk mematuhi Terma Larian ini serta Terma Umum dan terma yang ditetapkan di halaman aplikasi penyertaan larian yang berkenaan.
- 1.2 Penyertaan untuk larian tidak boleh dipindah milik. Penyertaan dalam larian adalah khusus untuk anda; anda dilarang sama kali menukar, menjual atau memindahkan atau menawarkan untuk menjual, menukar atau memindahkan tempat dalam larian tersebut.
- 1.3 Untuk menyertai larian anda mestilah berumur 6 tahun ke atas pada tarikh larian melainkan anda mendapat kebenaran daripada penjaga anda.
- 1.4 Peserta di bawah umur 18 tahun mestilah mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga dan mengisi borang indemniti berkenaan semasa mendaftar dalam talian. Jika gagal, Penganjur berhak untuk menolak penyertaan peserta.
- 1.5 Penutupan penyertaan larian ditentukan dan diumumkan apabila penyertaan larian mencapai kapasiti yang ditetapkan atau tarikh yang telah ditetapkan.





Undang-undang & Peraturan

2) Yuran Pendaftaran Larian dan Pembatalan

- 2.1 Anda mesti membayar yuran pendaftaran larian ketika menyertai larian, jika tidak pembatalan pendaftaran boleh berlaku pada bila-bila masa.
- 2.2 Semua yuran pendaftaran tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditangguhkan ke larian di masa akan datang mahupun dipindahkan dari satu larian ke satu larian yang lain. Anda tidak berhak untuk mengubah fikiran memandangkan yuran pendaftaran larian dikenakan sebagai balasan untuk kami memasukkan anda ke dalam larian itu. Penyertaan anda selesai sebaik sahaja anda melengkapkan proses pendaftaran larian.
- 2.3 Perlu diingatkan bahawa ketepatan alamat anda adalah sangat penting, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kelayakan yang tidak dihantar disebabkan alamat yang diberikan tidak tepat. Yuran tambahan untuk perkhidmatan kiriman cepat akan dikenakan kepada peserta bagi sebarang permintaan penghantaran semula.
- 2.4 Saiz kemeja-T peserta adalah berdasarkan saiz yang dipilih oleh peserta semasa pendaftaran; sebarang permintaan untuk penukaran saiz tidak akan dilayan.
- 2.5 Peserta mengakui bahawa pingat adalah ganjaran untuk semua peserta yang menyelesaikan larian dalam masa yang ditetapkan.

3) Kesihatan Fizikal dan Keselamatan

- 3.1 Para peserta mengisytiharkan bahawa mereka sihat dari segi fizikal dan berkemampuan untuk menyertai acara ini dan menyelesaikan jarak mereka yang telah ditetapkan. Mereka tidak mengetahui sebarang masalah kesihatan atau kecacatan yang akan menghalang penyertaan dalam acara ini atau akan menjejaskan kesihatan mereka dengan penyertaan ini.
- 3.2 Dengan bersetuju kepada terma dan syarat ini, peserta melepaskan penganjur acara, daripada semua tuntutan berkaitan dengan penyertaan. Peserta melindungi penganjur acara, penaja, sukarelawan dan pekerja yang terlibat dalam acara ini secara langsung atau tidak langsung daripada semua liabiliti untuk mana-mana dan semua kecederaan, kerugian atau kerosakan berkaitan dengan penyertaan peserta.
- 3.3 Peserta menerima bahawa penyertaan dalam acara ini adalah atas risiko mereka sendiri dan mereka menerima bahawa penyertaan dalam acara ini boleh melibatkan risiko kecederaan yang sebenar atau kematian.
- 3.4 Peserta mengakui yang mereka akan menyertai dan menyelesaikan jarak yang ditetapkan untuk mereka mengikut cara yang mereka pilih di lokasi yang dipilih oleh mereka dan atas risiko mereka sendiri.
- 3.5 Kanak-kanak dialu-alukan untuk mengambil bahagian tetapi hendaklah sentiasa ditemani dan diawasi rapi oleh orang dewasa yang bertanggungjawab.
- 3.6 Peserta mengakui bahawa jika mereka menarik diri bukan atas alasan kesihatan; yuran penyertaan tidak boleh dikembalikan.

4) Penamatan Larian

- 4.1 Anda akan dianggap sebagai telah menamatkan larian jika anda mengemukakan bukti yang dikehendaki bahawa anda telah menyelesaikan larian kepada kami sebelum tarikh yang ditetapkan di halaman aplikasi penyertaan larian. Contoh bukti yang dikehendaki dinyatakan pada setiap halaman aplikasi penyertaan larian. Sebarang soalan sama ada bukti yang diberikan mencukupi akan ditentukan mengikut budi bicara kami semata-mata.
- 4.2 Nutrilite ActivPower Run 2021 bukanlah satu acara persaingan dan oleh itu, tiada pemenang untuk acara ini.

5) Penafian Privasi

Amway mengambil berat mengenai privasi anda dan keselamatan maklumat anda. Kami hanya mengumpul maklumat yang dikehendaki untuk kredibiliti larian dan kami akan memprosesnya dengan integriti; kami hanya memerlukan jumlah maklumat peribadi minimum yang dikehendaki untuk memenuhi tujuan larian; kami tidak menjualnya kepada pihak ketiga; dan kami hanya menggunakannya untuk tujuan larian bagi menganalisis dan mengesahkan ketepatan hasil yang anda muat naik.

